



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem ePerolehan bagi menyertai tender berikut:

No. / Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender	Kaedah Perolehan
JPA/04/2015 MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELAKSANA, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA DALAM TEMPOH WARANTI BAGI PERKAKASAN, PERKHIDMATAN MIGRASI SISTEM UNTUK PROJEK PELAKSANAAN GUDANG DATA DAN PELUASAN SISTEM ANALITIK SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM (ASSIST) JPA	210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106, dan 210107	10 Mac 2015 (Selasa), jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender tidak akan dipertimbangkan	Secara ePerolehan

2. Petender yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **13 Februari 2015 (Jumaat)** melalui laman web www.eperolehan.com.my.
3. Petender yang berminat menyertai tender perlu membuat pengesahan **No. Kementerian Kewangan di Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Khidmat Pengurusan, Sektor Perolehan Dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** bagi membolehkan petender memuatnaik dokumen tender dalam sistem ePerolehan (eP). Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan).
4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **10 Mac 2015 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**.
5. Dokumen yang dihantar secara manual (seperti arahan dalam Dokumen Tender) hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Sektor Perolehan dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** pada atau sebelum **10 Mac 2015 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**.
6. Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada petender dan **kehadiran petender adalah diwajibkan**. Hanya dua (2) wakil petender dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 17 Februari 2015 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Mawar,
Aras 10, Blok C1, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62510 Putrajaya

7. Tawaran Tender yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan serta kelewatan menghantar dokumen manual seperti mana arahan tender tidak akan dipertimbangkan.
8. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

En. Mohd Amir Bin Mohd Azir	-	03-8324 2480
En. Shaiful Afzan Bin Abdol Majid	-	03-8324 2480
Cik Sharifah Qameilya Binti Syed Ahmad	-	03-8885 3035